Telegram: "MINFIN KOTA KINABALU"
KEMENTERIAN KEWANGAN

(MINISTRY OF FINANCE)
Telex: MA 80048 KEWANG
52692 **KOTA KINABALU**

Telefon:
SABAH, MALAYSIA

(Sila Sebutkan Bil. Fail Kami) **NEGERI SABAH, MALAYSIA**

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: F.1101/57/51

Tarikh:(Date) 15hb November,1990

Semua Setiausaha Tetap

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

AMALAN BERJIMAT CERMAT (AUSTERITY DRIVE)

Saya merujuk surat pekeliling YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. CMD.514/73/2/(12) bertarikh 6hb November, 1990 mengenai tajuk diatas.

2. Pegawai-pegawai Pengawal adalah dinasihatkan supaya mengambil tindakan serta-merta mengawal semua bentuk perbelanjaan di bawah kawalan Kementerian/Jabatan masing-masing.

3. Semakan segera bagi semua pecahan kepala perbelanjaan perlulah dijalankan untuk mempastikan bahawa peruntukan-peruntukan yang sudah tersedia dan telah diluluskan itu dibelanjakan dengan teratur bagi mengelakkan sebarang kerumitan kewangan di Kementerian/Jabatan masing-masing. Justeru itu kawalan yang ketat haruslah diambil terhadap perjalanan, penggunaan telefon, letrik dan penginapan. Misalnya, pegawai-pegawai yang dikehendaki bertugas "outstation" di mana terdapat rumah-rumah rehat Kerajaan, hendaklah menggunakan kemudahan rumah rehat dan seboleh-bolehnya mengelakkan tinggal di tempat-tempat penginapan yang lain yang mana sewanya adalah lebih tinggi.

4. Penggunaan alat-alat tulis dan mesin-mesin pendua, mesin-mesin fax dan komputer hendaklah juga dikawal dengan ketat demi mengelakkan penggunaan alat-alat tersebut dengan berlebihan dan menyebabkan pembaziran.

5. Pembelian kenderaan-kenderaan Kementerian/Jabatan, termasuk alat-alat kelengkapan kenderaan dan pembelian

/2....

alat-alat kelengkapan pejabat seperti kerusi meja, alat pendingin dan lain-lain alat adalah pada masa ini, tidak digalakkan, kecuali pembeliannya benar-benar diperlukan dan mustahak atas sebab-sebab yang konkret dan boleh diterima.

6. Permohonan peruntukan tambahan dan waran pindahan adalah juga tidak digalakkan. Baki perbelanjaan yang didapati kini, tidak akan dikeluarkan sebagai pindahan dan peruntukan-peruntukan yang ada mestilah mencukupi sehingga akhir tahun. Kawalan ketat oleh semua Ketua Jabatan haruslah dilakukan terhadap semua perbelanjaan dan seharusnya tidak ada ikatan atau tanggungan boleh dibuat kecuali adanya peruntukan kewangan yang mencukupi dan tersedia.

7. Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN
BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

(DATU (DATUK) KHALIL BIN DATU HJ. JAMALUL)
Pmk. Setiausaha Tetap

s.k. Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
KOTA KINABALU

Bendahari Negeri, **KOTA KINABALU**	) Kawalan-kawalan perlu di jalankan agar tujuan dan kehendak pekeliling ini dapat dicapai sepenuhnya.)
Pengarah Odit, **KOTA KINABALU**	)

F.1103/37